KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/11/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPSM KEDAH			

Lebih RM12 juta dibelanja pulihara hutan Kedah

SH

16.11.2021_24

ALOR SETAR - Lebih RM12 juta telah dibelanjakan untuk kerja pemuliharan dan penyelenggaran hutan di Kedah termasuklah menyelenggara Taman Eko Rimba dan petak Hutan Pemeliharaan Bernilai Tinggi (HCVF) dalam tempoh tiga tahun sejak 2018.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, lebih RM2.5 juta telah dibelanjakan pada tahun 2018 untuk kerja-kerja pembangunan hutan seperti kerja penanaman kawasan restorasi hutan tanaman bakau dan rawatan pokok bakau.

"Antara kerja lain turut dilaksanakan adalah inventori hutan sebelum dan selepas tebangan, mengukur dan mencuci sempadan Hutan Simpanan Kekal (HSK), penyelenggaraan Taman Eko Rimba dan pembinaan tapak semaian serta bahan tanaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan **Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi (Amanah- Alor Mengkudu)** berkaitan skop kerja pemuliharaan dan penyelenggaran hutan di Kedah termasuklah jumlah perbelanjaan pada 2018, 2019 dan 2020.

Muhammad Sanusi turut menyatakan kerajaan negeri akan menguruskan hutan di Kedah dengan sebaik mungkin, sekali gus memastikan sijil pengurusan hutan Kedah yang diterima semula pada Oktober lepas tidak akan digantung lagi selepas ini.